



LBS PERKENALKAN AULICA: KEDIAMAN EKSKLUSIF TEPIAN TASIK DI D'ISLAND RESIDENCE, PUCHONG

Petaling Jaya, 15 Disember 2025 – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju hartanah terkemuka pilihan rakyat, memperkenalkan Aulica, pembangunan terbaharu di perbandaran D'Island Residence yang telah meraih anugerah di Puchong, Selangor. Dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) berjumlah RM83 juta, Aulica menawarkan gaya hidup moden di tepian tasik yang menetapkan piawaian baharu bagi kawasan perumahan yang tenang dan berkepadatan rendah.

Aulica terdiri daripada 79-unit rumah teres dua tingkat dengan gabungan elemen seni bina klasik dan ruang dalaman luas serta hubungan harmoni dengan alam semula jadi. Pembeli rumah berpeluang memilih antara dua pilihan pelan lantai;

- Pelan 20' x 70' dengan keluasan binaan 2,132 kaki persegi
- Pelan 20' x 72.5' dengan keluasan binaan 2,182 kaki persegi

Kedua-dua pelan lantai ini menawarkan 4 bilik tidur dan 3 bilik mandi, menjadikannya pilihan ideal bagi keluarga ditambah dengan gabungan sempurna antara keselesaan, gaya dan fungsi praktikal.

Antara ciri istimewa Aulica ialah pelan lantai yang diperluas dengan siling tinggi, meningkatkan fleksibiliti, keluasan ruang dapur serta ruang makan. Ianya turut mewujudkan persekitaran hangat dan mesra, sesuai untuk perhimpunan keluarga dan majlis sosial. Di luar kediaman, penghuni dapat menikmati ketenangan tasik seluas 1,000 ekar, lengkap dengan akses ke pelbagai kemudahan berinspirasi alam semula jadi.

Terletak di lokasi strategik, Aulica menawarkan akses lebuh raya utama termasuk ELITE, SKVE, LDP, KESAS, dan MEX. Pelbagai kemudahan asas seperti destinasi membeli-belah, pusat perubatan, dan institusi pendidikan berada dalam jarak yang dekat, menjamin keselesaan dan kemudahan harian.

Antara detik penting majlis pelancaran ialah pembukaan unit pameran Aulica, menawarkan pembeli peluang untuk merasai konsep rekabentuk dan gaya hidup yang ditawarkan, sekali gus meningkatkan minat mereka untuk memiliki kediaman ini.

Tan Sri Dato' Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San, Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS berkata, "Aulica bukan sekadar menampilkan kediaman berkualiti – ia mencerminkan komitmen berterusan untuk mewujudkan ruang di mana keluarga dapat menikmati gaya hidup moden yang dikelilingi ketenangan alam semula jadi dalam komuniti yang aktif dan harmoni. Dirancang dengan keperluan keluarga sebagai fokus, Aulica menawarkan aliran harmoni antara kediaman, jalan raya, dan ruang hijau.

"Seiring dengan usaha LBS untuk terus mengembangkan portfolio kami, penambahan Aulica ke dalam bandar kediaman D'Island Residence meningkatkan nilai keseluruhan bagi para penghuni dan selaras dengan visi kami untuk menyediakan kediaman yang memenuhi keperluan komuniti yang sentiasa berkembang" ujar Tan Sri Lim.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 011 1722 5678 atau layari laman web projek di d-island.com.my/aulica.

Sebagai alternatif, pembeli yang berminat dijemput untuk mengunjungi LBS Sales Gallery Aulica di: No. 5, Jalan Utara 1, D'Island Residence, 47130 Puchong, Selangor.

~Tamat~